

## Sheik yakin pesilat mampu bawa pulang oleh-oleh

Berita Harian, 2 May 2014, Page 21

Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

### Sheik yakin pesilat mampu bawa pulang oleh-oleh

#### KEJUARAAN PENCAK SILAT TERBUKA BELGIUM

► **NORMAN SAWI** normans@sph.com.sg

WALAU terkilang tidak mampu menghantar pasukan yang lebih besar, bos silat Singapura, Sheik Alau'ddin Yaacob Maarican, berasa optimis bahawa empat pesilat kebangsaan yang tiba di Eropah semalam bakal membawa pulang oleh-oleh yang boleh dikongsi dengan rakan pesilat yang lain.

Ditemani jurulatih Muhammad Hidayat Hosni, pasukan yang diketuai juara dunia dan kapten pasukan, Muhammad Shakir Juanda, itu diharap bukan sahaja membawa pulang kemenangan, malah pengalaman berharga selepas bertarung dalam Kejuaraan Pencak Silat Terbuka Belgium yang berlangsung hujung minggu ini.

"Lagi baik jika kami dapat menghantar lebih ramai pesilat muda, tetapi bajet tidak mengizinkan.

"Sekurang-kurangnya, kami dapat menghantar pesilat-pesilat muda yang akan muncul buat kali pertama dalam kategori dewasa dan budak lelaki," kata Sheik Alau'ddin, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi) itu.

Pasukan pesilat yang berangkat ke Belgium adalah antara yang paling muda dihantar ke Eropah untuk bertanding.

Selain Shakir yang berusia 25 tahun, pesilat lain mempunyai usia purata di bawah usia 18 tahun - Muhammad Iqbal Abdul Rahman, 20 tahun; Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin, 18 tahun; dan peserta paling muda Irham Mustafa Kamal, hanya 15 tahun.

Penerima biasiswa Spex dan pemenang pingat emas tunggal Singapura di Sukan Asia Tenggara (SEA) Myanmar tahun lalu, Muhammad Nur Alfian Juma'en, 17 tahun, tidak dapat menyertai pasukan akibat kecederaan kaki.

Hidayat berkata beliau berharap pesilat-pesilatnya, terutama yang lebih muda, tidak akan menia-siakan peluang itu untuk

menunjukkan keupayaan mereka, walaupun bakal beradu dengan pesilat Eropah yang lebih besar dan agresif.

Pertandingan di Belgium ini boleh dianggap sebagai salah satu persediaan pasukan untuk menghadapi Kejuaraan Silat Sedunia dan Sukan SEA tahun depan.

"Selain menimba pengalaman, mereka perlu memberikan persembahan terbaik yang mampu dilakukan," kata Hidayat, yang juga bekas pesilat kebangsaan.

Sekurang-kurangnya seramai 108 atlet dari 13 negara dijangka bertanding dalam kejuaraan yang berlangsung mulai esok hingga lusa di Dewan Sukan Vordenstein, Schoten, Antwerp.

Selain Singapura, rantau ini diwakili Vietnam dan Malaysia, menurut maklumat di laman web penganjur.

Iqbal, yang akan bertanding dalam kategori tunggal putera (seni) buat kali pertama di Eropah, berharap dapat menyesuaikan diri dengan keadaan pertandingan secepat mungkin.

"Saya tidak harapkan apa-apa yang keterlaluan, kecuali menerapkan apa yang telah diajarkan oleh jurulatih dalam persembahan saya," kata Iqbal, yang baru sahaja selesai pengajian di Institut Pendidikan Teknikal

(ITE).

Sementara itu pelajar tahun kedua Politeknik Temasek (TP), Ferdous - yang bakal bertanding dalam Kelas E (60 hingga 70 kilogram) - menetapkan sasaran yang tinggi untuk dirinya sendiri.

"Saya sasarkan emas," kata Ferdous yakin.



**WAKIL NEGARA:** Empat pesilat negara yang bakal bertanding di Kejohanan Pencak Silat Terbuka Belgium ghairah menunjukkan kepantasan masing-masing di Erupah (dari kiri) juara dunia Muhammad Shaker Juanda, Muhammad Iqbal Abdul Rahman, Itham Mustafa Kamal dan Sheik Ferdous Sheik Alauddin. - Foto-foto M.O. SALLEH

- Foto-foto M.O. SALLEH